

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 DISEMBER 2022
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 24

Penggerak Huffaz sasar lebih ramai pelajar maahad TVET

Penggerak Huffaz sasar lebih ramai pelajar maahad TVET

Pertubuhan mahu kemahiran dapat jana pendapatan sampingan selepas tamat pengajian

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mengakui akan kepentingan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di negara ini, Pertubuhan Penggerak Huffaz Berkecemerlang Selangor (Penggerak Huffaz) mahu melahirkan kira-kira 300 pelajar dari maahad tahfiz yang mempunyai kemahiran itu menerusi pelbagai program tahun depan.

Program itu dilaksanakan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) terbabit dan maahad tahfiz dengan kerjasama Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA), Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) dan institusi pengajian tinggi (IPT).

Presidennya, Datuk Ahmad Tajudin Jab, berkata pelajar dari maahad tahfiz akan dilatih dalam bidang TVET baharu menerusi program perantisan seperti refleksiologi, pembersihan sertu, gentian optik selain pastri, kulineri, komputer serta elektrik.

"Kita mahu pelajar dari maahad tahfiz ini mempunyai kemahiran yang boleh digunakan menjana pendapatan sampingan, apabila tamat pengajian nanti."

"Sebagai contoh dalam bidang pembersihan sertu, mereka boleh menjana pendapatan secara sampingan. Kerjaya itu semakin mendapat permintaan

di kilang yang ingin mendapat pensijilan halal kerana disyaratkan menyertu premis mereka," katanya, di sini.

Terdahulu, seramai enam pelajar tahfiz masing-masing dari Maahad Tahfiz Al-Habbah dan Maahad Hiyatul Ummah memperoleh sijil melalui Majlis Graduasi Program Perantisan Penggerak Huffaz dan Azman Reflexology, di sini semalam.

Sijil mereka disampaikan oleh Pengarah Kumpulan BH, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzaman yang turut merasmikan acara majlis itu.

Yang turut hadir Pengarah Azman Reflexology, Azman Kasim dan Ketua Eksekutif Alnoor International School, Prof Datuk Dr Mahmud Khalid Al Msafir.

Enam pelajar tahfiz ini ditempatkan di Azman Reflexology bagi latihan dan teori, termasuk menjalani latihan bekerja pada



Ahmad Zaini menyampaikan sijil kepada pelajar tahfiz sambil disaksikan Ahmad Tajudin (kanan) dan Azman di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Amirudin Sahib/BH)

waktu siang selama lima bulan.

Kerjasama dengan UNIMAP

Pada masa sama, Ahmad Tajudin yang juga bekas Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran berkata, kohort kedua latihan refleksiologi akan dimulakan pada Februari tahun depan memabitkan enam hingga 10 pelajar berusia di antara 16 hingga 18 tahun.

Beliau berkata, sepanjang tahun ini lebih 100 pelajar dari maahad tahfiz menerima latihan TVET melalui tiga model iaitu kerjasama dengan ILKA, ILKS dan industri.

Beliau berkata, tahun depan, Penggerak Huffaz akan melan-

carkan program sijil profesional pengurusan institusi dakwah dengan kerjasama Universiti Malaysia Perlis (UNIMAP).

"Melalui program ini, pelajar tahfiz akan ditempatkan di masjid atau surau dan pertubuhan bukan kerajaan untuk membantu melakukan kerja sebagai pembantu imam atau bilal, selain mencipta perisian bagi mewujudkan pangkalan data di masjid.

"Kita akan bekerjasama dengan lebih 30 buah maahad tahfiz selain memulakan program model dua dalam bidang jahitan dan penghawa dingin di Maahad Ar Rahman, Kuala Nerang, Kedah, tahun depan," katanya.